

ADEZIO FC TABLET/ ORAL SOLUTION

Cetirizine Hydrochloride (10mg, 1mg/ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Adezio
2. Bagaimana Adezio berfungsi
3. Sebelum menggunakan Adezio
4. Cara menggunakan Adezio
5. Semasa menggunakan Adezio
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Adezio
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Adezio

- Adezio digunakan untuk melegakan simptom-simptom alergi perennial (sepanjang tahun) dan bermusim seperti bersin, gatal, hidung berair dan kesesakan hidung serta mata berair, merah dan gatal pada dewasa dan kanak-kanak 1 tahun ke atas.
- Ia juga digunakan untuk merawat manifestasi kulit iaitu urtikaria idiopati kronik (kulit kemerahan, ruam gatal yang timbul tanpa sebab yang jelas) pada dewasa dan kanak-kanak 1 tahun ke atas.

Bagaimana Adezio berfungsi

Cetirizine adalah antihistamina, yang berfungsi dengan menghalang tindakan histamina, iaitu sejenis bahan dalam badan yang menyebabkan tindak balas alahan. Histamina ialah bahan kimia yang dibebaskan dalam badan akibat tindak balas alergi.

Sebelum menggunakan Adezio

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Adezio jika anda alah (hipersensitif) terhadap bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini.

Sebelum mula menggunakan

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Adezio jika anda:

- hamil atau merancang untuk hamil. Adezio tidak boleh diambil pada trimester pertama kehamilan.
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusukan. Cetirizine pernah dilaporkan dikumuh ke dalam susu ibu. Oleh itu, pengambilan cetirizine bagi ibu yang sedang menyusukan anak adalah tidak digalakkan.
- mempunyai masalah buah pinggang atau hati.

- keselamatan dan keberkesanan cetirizine bagi kanak-kanak di bawah 1 tahun masih belum terbukti.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi.

Perhatian harus diberikan apabila diambil bersama ubat depresi system saraf pusat yang lain atau alkohol.

Cara menggunakan Adezio

Berapa banyak harus digunakan

Adezio FC Tablet

Dewasa dan kanak-kanak berusia 6 tahun dan ke atas

½ tablet atau 1 tablet sekali sehari.

Adezio Oral Solution

Dewasa dan kanak-kanak berusia 6 tahun dan ke atas

1 atau 2 sudu teh satu kali sehari.

Kanak-kanak 1 – 5 tahun

½ atau 1 sudu teh sekali sehari, Atau

½ sudu teh dua kali sehari.

Bila perlu digunakan

Boleh diambil sebelum atau selepas makan. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Ambil mengikut preskripsi doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Jika terlupa menggunakannya

Ambil secepat mungkin sebaik sahaja anda teringat. Jika dos seterusnya adalah hampir, ambil dos yang seterusnya seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Simptom-simptom terlebih dos termasuk rasa ingin tidur, kegelisahan, cepat marah dan mengantuk.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Adezio

Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa cuci tangan sebelum mengambil ubat.
- Amalkan pengambilan ubat pada waktu yang sama setiap hari.
- Bagi *oral solution*, minum dan telan ubat secara perlahan. Sebaiknya diambil tanpa dicairkan.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan kunyah tablet. Telan tablet bersama air.
- Jangan ambil ubat ini tanpa preskripsi doktor atau ahli farmasi.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Adezio dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Kejadian mengantuk pernah dilaporkan dikalangan beberapa pesakit yang mengambil cetirizine dalam ujian klinikal. Langkah berjaga-jaga perlu diambil apabila memandu atau mengendalikan mesin yang berbahaya.

Kesan-kesan sampingan

- Mengantuk.
- Pening.
- Agitasi.
- Mulut kering.
- Ketidakselesaan gastrousus.
- Tindak balas hipersensitif.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan.

Kesan sampingan lain tidak disenaraikan di atas juga boleh berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-85535550, atau lawan web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Adezio

Penyimpanan

Simpan di tempat sejuk, bawah 30°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

ADEZIO FC TABLET/ ORAL SOLUTION

Cetirizine Hydrochloride (10mg, 1mg/ml)

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Adezio FC Tablet

Tablet berbentuk segi empat bujur dan cembung, berwarna putih dan bersalut filem, dengan garis pemisah dan logo "XS".

Adezio Oral Solution

Cecair jernih, tidak berwarna dengan perisa buah-buahan.

Bahan-bahan kandungan

Adezio FC Tablet

Bahan aktif

Cetirizine Hydrochloride.

Bahan-bahan tidak aktif

Colloidal Silicon Dioxide, Magnesium Stearate, Starch, Microcrystalline Cellulose, Cellulose Lactose Compound Mix, HPMC Compound Mix, Methanol, Purified Water.

Adezio Oral Solution

Bahan aktif

Cetirizine Hydrochloride.

Bahan-bahan tidak aktif

Propylene Glycol, Glycerin, Cellogen F-SH, Methyl Hydroxybenzoates, Propyl Hydroxybenzoates, Saccharin Sodium, Sodium Acetate Anhydrous, Glacial Acetic Acid, Lychee Flavour, Purified Water

Nombor MAL

Adezio FC Tablet: MAL20020358AZ

Adezio Oral Solution: MAL20021146AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

19 Ogos 2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)190815/00260